

10 DEC 1996

RAKYAT LAOS DICADANG BELAJAR INGGERIS DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Malaysia boleh menjadi pusat untuk rakyat Laos mempelajari bahasa Inggeris, kata Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Mohamed Zahir Ismail.

Beliau berkata penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat Laos penting kerana negara itu, yang menjadikan Perancis bahasa keduanya, akan menyertai Asean tahun depan.

Mohamed Zahir membuat cadangan kepada delegasi Dewan Perhimpunan Rakyat Demokratik Republik Laos yang mengunjungi beliau di pejabatnya di bangunan Parlimen hari ini.

Rombongan 13 orang itu diketuai oleh presiden perhimpunan itu Samane Vignaket.

"Memandangkan bahasa Inggeris merupakan bahasa yang digunakan oleh perwakilan negara Asean, jadi sekiranya mereka dapat menguasai bahasa itu ianya akan memudahkan proses komunikasi kelak," kata Mohamed Zahir kepada Bernama.

Beliau berkata memandangkan negara ini mempunyai pusat-pusat pendidikan tinggi, sudah pasti ia mampu mengambil penuntut dari Laos yang ingin melanjutkan pelajaran di negara ini.

Rombongan itu memuji cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkhidmatan kereta api dari Singapura ke Kunming di China, yang Lao juga akan menjadi sebahagian daripada laluan utama itu.

Rombongan itu berpendapat bahawa perkhidmatan itu penting bagi Laos kerana ia akan menghubungkannya dengan negara-negara lain, sekaligus membantu mempertingkatkan hubungan perdagangan, kata Mohamed Zahir.

Delegasi itu tiba semalam dalam lawatan rasmi lima hari sebagai membalas lawatan rombongan Parlimen Malaysia yang diketuai oleh Mohamed

LES MAI